

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L
RAJAJI [JELUTONG]**

TARIKH : 13 MAC 2024 (RABU)

SOALAN

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [Jelutong] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk mempromosikan Pelabuhan Pulau Pinang sebagai destinasi pelabuhan kapal-kapal pelancong.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Antara langkah-langkah yang telah dan akan dilaksanakan untuk mempromosikan Pelabuhan Pulau Pinang (*Swettenham Pier Cruise Terminal-SPCT*) sebagai destinasi pelabuhan kapal-kapal pelancong adalah seperti berikut:-

- a. Menaiktaraf serta membangunkan SPCT dan kawasan sekitarnya seperti pelaksanaan projek pelebaran dermaga di bawah pelan pembangunan Fasa 1 yang telah siap sepenuhnya pada bulan Mei 2021 yang menelan kos sebanyak RM100 juta. Projek pelebaran dermaga berkenaan membolehkan dua (2) buah kapal kelas Oasis berlabuh secara serentak di SPCT. Ini sekaligus mengurangkan masa menunggu kapal-kapal kruis untuk berlabuh dan memberi keselesaan kepada penumpang. Selain itu, terdapat beberapa pelan pembangunan yang akan dilaksanakan oleh Penang Port Sdn. Bhd. (PPSB) demi memastikan SPCT setanding dengan pelabuhan kruis antarabangsa. Dengan wujudnya projek penaiktarafan dan pembangunan di SPCT, ia sekaligus menarik minat pemain industri dan *cruise liners* untuk menjadikan SPCT sebagai salah satu terminal persinggahan;
- b. Mengkomersialkan kawasan sekitar SPCT yang terdiri daripada gudang, bangunan ibu pejabat lama dan bangunan *Penang Yatch Club (PYC)* sebagai pelengkap kepada operasi SPCT seterusnya menjadi daya tarikan pelancong memandangkan ianya berada tengah-tengah kawasan yang dikategorikan sebagai Bandar Warisan Dunia UNESCO;
- c. Mengenalpasti dan berurusan dengan *cruise liners* dan agensi yang berkepentingan terutamanya dari Italian Cruise Lines dan syarikat pelayaran kruis lain yang berpotensi meningkatkan panggilan kapal kruis ke SPCT. Pelbagai rebat atau insentif akan

NO. SOALAN: 60

ditawarkan bagi menjadikan SPCT sebagai destinasi persinggahan;

- d. Meningkatkan keterlihatan SPCT sebagai destinasi pelayaran utama melalui strategi Komunikasi Pemasaran Bersepadu (IMC) yang komprehensif;
- e. Meningkatkan pengendalian SPCT melalui pengenalan pelbagai inisiatif dan pelaksanaan pelan pembangunan serta memantapkan rangka kerja tadbir urus antaranya pematuhan kepada *environmental, social and governance* (ESG); dan
- f. Meningkatkan pemasaran melalui pelbagai *platform* antaranya mengambil bahagian dalam *exhibition* dan *conference* (tempatan/antarabangsa), mengadakan sesi '*open day*' dan memupuk hubungan erat dengan semua pihak berkepentingan bagi menjalankan pelbagai promosi serta memperkenalkan SPCT kepada khalayak umum.

Sekian, terima kasih.